



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAH PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI PENGGUNA KEBANGSAAN  
PERINGKAT NEGERI KEDAH 2021 DAN KEMPEN PEMBUDAYAAN  
NORMA BAHRU SEKTOR PERUNCITAN DI PASAR-PASAR UTAMA DI  
KOMPLEKS PEKAN RABU, ALOR SETAR, KEDAH**

**PADA**

**10 APRIL 2021 (SABTU)**

**TEMPAT**

**KOMPLEKS PEKAN RABU, ALOR SETAR, KEDAH**

**Selamat pagi dan Salam Sejahtera,**

**Yang Berhormat Tuan Romani Bin Wan Salin  
Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Komunikasi Dan Multimedia  
Negeri Kedah Darul Aman**

**Yang Berbahagia Dato' Haji Syed Sharuddin Bin Syed Abdullah  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Pejabat Setiausaha  
Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**

**Yang Berusaha Tuan Haji Azman Bin Adam  
Pengarah Penguatkuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**Yang Berusaha Tuan Rae Morn Verak  
Pengarah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna Negeri Kedah Darul Aman**

**Yang Berusaha Encik Ridhuwan bin Mustafa  
Pengerusi, Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad**

**Pegawai-Pegawai Kanan  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**Wakil-wakil Agensi Kerajaan Negeri Kedah**

**Wakil-wakil Agensi Kerajaan Persekutuan**

**Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan KPDNHEP Negeri Kedah kerana kerana sudi menjemput saya ke Kompleks Pekan Rabu yang terkenal sebagai ikon pelancongan Negeri Kedah dan seterusnya

merasmikan Majlis Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri Kedah Tahun 2021 dan Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baru Sektor Peruncitan di Pasar-Pasar Utama pada pagi ini. Pemilihan Kompleks Pekan Rabu ini juga adalah sangat bertepatan dengan dengan kedua-dua program yang ingin kita lancarkan ini memandangkan ianya adalah merupakan tempat tumpuan utama orang ramai sama ada yang datang dari sekitar negeri Kedah atau pun daripada luar negeri Kedah.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Alor Setar dan Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad kerana memberikan kerjasama yang amat baik kepada KPDNHEP Negeri Kedah khususnya dalam menjayakan program yang amat bermakna kepada warga pengguna walaupun kita masih lagi berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Saya sangat berharap jalinan kerjasama yang erat seperti ini dapat diteruskan dalam usaha kerajaan untuk memastikan pengguna sentiasa menyedari hak-hak sebagai seorang pengguna dan keluar berbelanja dalam suasana yang selamat.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Tahun 2021 kali ini amatlah bermakna kerana **julung-julung kalinya ianya diadakan bersama-sama dengan Sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia**. Malaysia bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa menyambut kedua-dua sambutan hari pengguna ini pada **15 Mac** setiap tahun. Tema yang dipilih Consumer International iaitu satu badan antarabangsa yang bertanggungjawab terhadap sambutan *World Consumer Rights Day*

pada tahun ini ialah “**Tackling Plastic Pollution**”. Tema ini merupakan kesinambungan kepada usaha berterusan Kementerian ini untuk melahirkan pengguna yang bukan sahaja bijak, berdayaupaya, mampu membuat pilihan dan tindakan yang terbaik, bahkan juga pengguna yang peka terhadap kelestarian alam sekitar.

4. Di Malaysia, isu pencemaran merupakan salah satu dari cabaran terbesar yang dihadapi oleh kita pada masa ini terhasil dari pengurusan buangan yang tidak berhemah. Berdasarkan kajian World Wide Fund for Nature (WWF) pada tahun 2019, **Malaysia adalah antara negara tertinggi menggunakan plastik iaitu lebih kurang 16.78 kg per individu berbanding negara China, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam**. Oleh itu, sebagai pengguna kita seharusnya mengambil langkah yang sewajarnya bagi merealisasikan matlamat kerajaan dalam mewujudkan alam sekitar yang sihat demi kelangsungan kehidupan generasi kita di masa hadapan. Sedikit usaha sebagai pengguna seperti pelaksanaan **konsep 7Rs (rethink, refuse, reduce, reuse, recycle, repair, and replace)** mampu memberi impak yang tinggi dalam menguruskan bahan buangan plastik dengan lebih berkesan.
5. Saya juga ingin berkongsi sedikit tentang tahap kesedaran pengguna di Malaysia pada masa ini. Melalui kajian yang dijalankan oleh KPDNHEP tahap kesedaran pengguna yang diukur melalui Indeks Pendayaupayaan Pengguna di Malaysia berada pada tahap **63.1%** dan dikategorikan sebagai sederhana. Indeks ini menunjukkan bahawa pengguna di negara kita masih belum benar-benar menghayati dan mempraktikkan hak-hak mereka sebagai pengguna. Oleh itu, KPDNHEP akan terus merangka berbagai program advokasi di setiap peringkat masyarakat bagi meningkatkan lagi kesedaran pengguna di negara ini. Kementerian

juga akan terus memainkan peranan yang lebih aktif dalam memberi pendidikan kepada pengguna mengenai kelestarian alam sekitar dengan kerjasama NGO, komuniti dan masyarakat awam.

6. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru supaya kegiatan kepenggunaan di pelbagai peringkat dipertingkatkan dengan penglibatan Penyelaras Kepenggunaan Parlimen (PKP), Jawatankuasa Pengguna Daerah, Persatuan Pengguna Sekolah, Gerakan Pengguna Siswa. Penglibatan dan peranan NGO dan masyarakat juga penting dan boleh memberi impak yg dihasratkan. Saya dimaklumkan sehingga 9 April 2021, seramai **66,390 rakan pengguna** di Negeri Kedah telah berdaftar dengan KPDNHEP. Saya berharap penglibatan rakan pengguna di negeri ini dapat dimanfaatkan secara berstruktur agar isu dan kepentingan pengguna khususnya di peringkat setempat dapat ditangani dan diatasi dengan berkesan.
7. Saya percaya sempena Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri Kedah ini juga, banyak program-program kesedaran pengguna yang telah diatur oleh KPDNHEP Negeri Kedah. Saya juga yakin semua usaha-usaha untuk meningkatkan pendayaupayaan pengguna di negeri Kedah ini juga akan mendapat sokongan yang padu daripada Kerajaan Negeri Kedah sendiri supaya semua program-program ini akan dapat memberi manfaat yang besar kepada rakyat Negeri Kedah. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

8. Kerajaan sentiasa menyedari bahawa pengguna merupakan penyumbang utama ke arah perkembangan ekonomi negara. Sejajar dengan tanggungjawab besar yang diamanahkan kepada KPDNHEP, kementerian sentiasa mengambil berat terhadap isu-isu berkaitan kepenggunaan. Walaubagaimanapun, kita sedar kehidupan rakyat sebagai pengguna tidak lagi seperti dahulu dan kesan pandemik Covid-19 dirasai oleh kita semua. Bagi mendepani cabaran ini, Kementerian sentiasa mengambil pelbagai langkah pro-aktif dalam memastikan hak-hak pengguna terpelihara termasuk juga meningkatkan kesedaran pengguna terhadap pembudayaan Norma Baru kesan daripada pandemic Covid-19 yang melanda seluruh dunia hari ini.
9. Pada 8 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Norma Baharu COVID-19 yang bertujuan untuk menggalakkan semua pihak disetiap peringkat untuk mengembangkan tenaga dalam memastikan norma baharu kehidupan diamalkan kesan daripada penularan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Kempen Kesedaran Norma Baru Covid-19 ini juga adalah sebahagian strategi bersepadu Kerajaan dalam mengurus pandemik COVID-19 yang diterajui oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).
10. Justeru Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga turut menyahut seruan YAB Perdana Menteri tersebut dengan menumpukan kempen kesedaran di peringkat peruncitan yang melibatkan premis-premis perniagaan, kompleks membeli belah dan pasar-pasar. Seterusnya, kempen ini diharap dapat

membantu sektor peruncitan untuk memenuhi keperluan pembukaan ekonomi di peringkat peruncitan dalam keadaan yang selamat.

11. KPDNHEP juga berpandangan tanggungjawab untuk memastikan pematuhan ini adalah di semua peringkat peruncitan samada di pusat membeli-belah, kedai runcit, kedai serbaneka serta pasar-pasar awam. Kami amat maklum bahawa pemilik-pemilik premis membeli belah utama mampu untuk mengeluarkan perbelanjaan bagi memastikan kesedaran awam berada di tahap tertinggi. Namun keadaan ini tidak berlaku di premis-premis seperti di pasar-pasar awam utama yang juga menjadi tumpuan rakyat.
12. Sehubungan itu, Kementerian telah mencadangkan bahawa pasar-pasar utama di seluruh negara perlu juga perlu diberi tumpuan dalam Kempen Membudayakan Norma Baru Covid-19. Sehubungan dengan itu, KPDNHEP telah memilih Pasar-pasar utama diseluruh negara dibawah Kempen Pembudayaan Norma Baru Covid-19 ini. Diantara Pasar-pasar utama yang terpilih adalah seperti berikut:
  - (i) **Pasar Satok di Kuching, Sarawak;**
  - (ii) **Pasar Kraftangan, Kota Kinabalu, Sabah;**
  - (iii) **Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan;**
  - (iv) **Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah;**
  - (v) **Pasar Chowrasta, Georgetown, Pulau Pinang; dan**
  - (vi) **Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu, Terengganu;**
13. Pemilihan Pekan Rabu adalah berdasarkan kriteria utama iaitu ia merupakan **tumpuan pengguna terutama pelancong domestik**. Pasar-pasar ini perlu **dipersiapkan** bagi memastikan ia dapat **menerima pengunjung luar dengan pematuhan SOP yang tinggi apabila sektor**

**pelancongan domestik dibuka semula kelak.** Lantas persekitaran yang berisiko rendah dan selamat akan memberi keyakinan kepada pengguna untuk terus mengunjungi premis-premis perniagaan tersebut.

14. Di antara langkah yang akan digunakan dalam kempen ini ialah melalui pemasangan **Sistem Ulang Siar Digital** bagi memudahkan penyampaian maklumat berkaitan kempen pembudayaan norma baru dan juga kesedaran pengguna secara pantas dan interaktif. Sistem ini adalah salah satu strategi bagi memudahkan semua pihak menerima maklumat dengan pantas dan mudah. Kementerian juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama daripada Kerajaan Negeri Kedah dan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan khususnya pihak Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad yang memberikan kerjasama dan sokongan yang sangat baik dalam menjayakan inisiatif ini. Saya berharap, pendekatan menggunakan Sistem ini dapat memberi manfaat bukan sahaja dalam tempoh Kempen Pembudayaan Norma Baharu Sektor Peruncitan tetapi juga selepas pandemik COVID-19 ini dapat diatasi.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

15. KPDNHEP turut memberi perhatian terhadap isu-isu dan pembangunan perniagaan di pasar-pasar basah, pasar pagi, pasar malam, pasar komuniti samada untuk memastikan amalan perdagangan yang sihat dan beretika tetapi juga memastikan kepentingan pengguna diperlihara dan diperkasa. Pasar-pasar ini juga adalah sebahagian dari keluarga besar perdagangan pengedaran yang di kawalselia oleh Kementerian. Justeru KPDNHEP juga ingin melihat perniagaan di pasar-pasar tersebut

bergerak seiring dengan kemajuan dan perkembangan digitalisasi dan Revolusi Industri (IR4.0).

16. Sehubungan itu KPDNHEP telah memulakan inisiatif untuk menggalakkan **penggunaan e-wallet** di pasar-pasar basah, pasar pagi, pasar tani, pasar malam dan pasar komuniti. Saya percaya dengan mengadaptasi perniagaan berdasarkan digital seperti e-wallet, para peniaga kecil akan dapat memperluskan pasaran dan bersaing dalam lanskap perniagaan yang semakin moden. Beberapa hari yg lepas, **KPDNHEP telah melancarkan inisiatif REDI** di pasar malam Putrajaya dan sambutan para peniaga amat menggalakkan di mana 100% peniaga telah menawarkan e-wallet dalam transaksi perniagaan mereka. Inisiatif REDI ini akan diperluaskan ke seluruh negara dan saya menjemput negeri Kedah untuk bekerjasama dengan KPDNHEP dalam menjayakan inisiatif ini.

**Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

17. Akhir kata sebelum saya mengundur diri, izinkan saya menyampaikan dua rangkap pantun.

*Dari Pekan Rabu ke Kepala Batas,  
Sepanjang jalan pemandangannya cantik,  
Keluar membeli bawalah beg kertas,  
Jimat duit kurangkan beg plastik,*

*Dari Kuala Kedah ke Pulau Langkawi,  
Sepanjang pantai pohon kelapa,*

*Keluar membeli SOP dipatuhi,  
Amalkan Norma Baru janganlah lupa,*

18. Sukacita dengan ini saya rasmikan: **MAJLIS SAMBUTAN HARI PENGGUNA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI KEDAH 2021 DAN KEMPEN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU SEKTOR PERUNCITAN DI PASAR-PASAR UTAMA DI KOMPLEKS PEKAN RABU, ALOR SETAR, KEDAH.**

Sekian, terima kasih.